

**MINIT MESYUARAT JAWATANKUASA PELAKSANA PERBANDARAN RENDAH KARBON  
BANDAR BARU BANGI BIL.01/2018**

---

**TARIKH : 01HB. MAC 2018 (KHAMIS)**  
**MASA : 9.00 PAGI**  
**TEMPAT : BILIK MESYUARAT CEMPAKA PUTIH  
TINGKAT 7, MENARA MPKj**

**SENARAI KEHADIRAN**

**Hadir:**

1. Haji Najmuddin Bin Jemain : Timbalan Yang Dipertua, MPKj Pengurus
2. En. Mohamad Zikri Bin Ibrahim : Pegawai Kesihatan Persekutaran, Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal & Pembersihan Awam, MPKj
3. En. Badrul Hisyam Bin Mamat : Pegawai Kesihatan Persekutaran, Pepejal & Pembersihan Awam, MPKj
4. En. Faizol Bin Hatzri : Arkitek Lanskap, Jabatan Lanskap dan Rekreasi, MPKj
5. Cik Khairani Binti Kamaludin : Pen. Pegawai Seni Bina (Kanan) Jabatan Kawalan Bangunan, MPKj
6. En. Pakhruddin Bin Abdullah : Penolong Pegawai Pertanian, Jabatan Lanskap dan Rekreasi, MPKj
7. En. Nasaruddin Bin Muhammad : Penolong Jurutera, Jabatan Kejuruteraan, MPKj
8. Pn. Zakiah Hani Binti Ahmad Bustaman : Arkitek, Jabatan Kawalan Bangunan, MPKj

9. Pn. Siti Wahayu Binti Abdul Wahab : Penolong Pegawai Tadbir,  
Jabatan Perlesenan dan Penjaja,  
MPKj
10. Pn. Siti Nadiha Binti Mohd Ismail : Pen. Pegawai Lanskap,  
Jabatan Lanskap dan Rekreasi,  
MPKj
11. Pn. Hamizah Binti Azlan : Pen. Pegawai Lanskap,  
Jabatan Lanskap dan Rekreasi,  
MPKj
12. Pn. Nor Azua Binti Borahnordin : Pen. Peg Perancang Bandar &  
Desa, Unit Pusat Setempat  
(OSC), MPKj
13. En. Mohd Izdihar Bin Mohd Sidek : Pen. Peg Senibina,  
Unit Pusat Setempat (OSC), MPKj
14. Cik Nadhirah Binti Mohd Noor : Pen. Peg. Tadbir,  
Jabatan Korporat &  
Pembangunan Masyarakat, MPKj
15. En. Muhammad Raymi Bin Roslan : Pen. Peg. Tadbir,  
Jabatan Korporat &  
Pembangunan Masyarakat, MPKj

### **URUSETIA**

1. En. Low Kar Yong : Peg. Perancang Bandar & Desa,  
Jabatan Perancangan Pembangunan,  
MPKj
2. En. Norsaini Bin Mat Isa : Pen. Peg. Perancang Bandar & Desa  
(Kanan), Jabatan Perancangan  
Pembangunan, MPKj
3. Cik. Umi Noor Aqila Binti Zakaria : Pen. Peg. Perancang Bandar & Desa,  
Jabatan Perancangan Pembangunan,  
MPKj

## **1.0 UCAPAN PENGERUSI**

- 1.1 Pengerusi mengucapkan salam sejahtera dan seterusnya mengalu-alukan kehadiran kepada semua.
- 1.2 Pengerusi memaklumkan mesyuarat ini adalah bertujuan bagi mengenal pasti tindakan-tindakan susulan yang perlu dilaksanakan oleh jabatan-jabatan yang terlibat berdasarkan taklimat perbincangan yang telah diadakan pada 07hb Februari 2018 bersama pihak UPSI selaku perunding dalam menyediakan Pelan Tindakan Perbandaran Rendah Karbon Bandar Baru Bangi 2035.
- 1.3 Pengerusi memaklumkan bahawa penyertaan MPKj selaku Pihak Berkuasa Tempatan dalam penyediaan Pelan Perbandaran Rendah Karbon Bandar Baru Bangi merupakan salah satu inisiatif yang baik dan seterusnya membolehkan pihak Majlis untuk layak mendapat pengiktirafan Sijil Interim dan Sijil Berlian dari pihak Greentech.
- 1.4 Pengerusi memaklumkan bahawa terdapat empat (4) program utama yang akan dibincangkan dalam mesyuarat ini iaitu Program Kompos, Program Kitar Semula Minyak Masak Terpakai, Program Pengasingan Sampah dan Program Penanaman Pokok seperti yang telah dicadangkan oleh Perunding untuk dilaksanakan dalam tempoh dua tahun sehingga tahun 2019 bagi mencapai pengurangan 4 % perlepasan karbon.
- 1.5 Pengerusi berharap semua jabatan dalam MPKj supaya bekerjasama sebagai pasukan untuk melaksanakan program-program yang dicadangkan agar sasaran dapat dicapai lebih awal dan menyeluruh.

## **2.0 PERBINCANGAN PROGRAM TINDAKAN**

- 2.1 Wakil Jabatan Perancangan Pembangunan membentangkan secara ringkas berkaitan taklimat yang telah disampaikan oleh pihak perunding UPSI sebelum ini yang melibatkan sempadan kawasan kajian adalah di Pusat Bandar, Bandar Baru Bangi berkeluasan 64.74 hektar.
- 2.2 Jumlah pelepasan karbon berdasarkan tahun penanda aras tahun 2017 bagi kawasan kajian adalah sebanyak 3,012.59 tan mertik manakala penyerapan karbon oleh tumbuhan landskap sediada adalah sebanyak 81.58 tan metrik. Jumlah keseluruhan karbon untuk tahun 2017 setelah ditolak jumlah karbon yang diserap adalah berjumlah sebanyak 2,931.01 tan metrik.
- 2.3 Wakil Jabatan Perancangan Pembangunan memaklumkan bahawa cadangan yang dikemukakan oleh perunding adalah memberi fokus kepada dua sektor utama iaitu pengurusan sisa pepejal dan tumbuhan hijau. Cadangan ini dilihat ideal dan sesuai untuk dilaksanakan oleh Majlis Perbandaran Kajang dengan menanam 290 pokok dan mengurangkan 341.71 tan metrik sisa pepejal (127.56 tan metrik minyak masak, 10.12 tan metrik sisa kompos dan 204.03 tan metrik sisa kitar semula).

- 2.4 Pembentangan mengenai program pengurusan sisa pepejal disampaikan oleh wakil Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam Majlis Perbandaran Kajang. Antara program yang bakal dijalankan adalah Program Kompos, Program Kitar Semula Minyak Masak Terpakai dan Program Pengasingan Sampah.

### **PROGRAM KOMPOS**

- 2.5 Wakil Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam (JPSPPA) memaklumkan antara langkah yang akan diambil bagi melaksanakan Program Kompos adalah seperti berikut:

- i. JPSPPA akan menyediakan jadual mengutip sisa makanan dari kedai-kedai makan yang dikenalpasti untuk diproses di Pusat Kompos MPKj Seksyen 16, Bandar Baru Bangi.
- ii. JPSSPA akan menyediakan tong-tong sisa makanan dan agihkan di kedai-kedai makan. Setelah itu, penerangan berkaitan pelaksanaan dan kaedah kutipan sisa makanan akan dibuat dari semasa ke semasa kepada pemilik kedai berkenaan.
- iii. JPSPPA juga akan turun pada setiap hari untuk kutipan dan waktu kutipan adalah di sebelah pagi dan petang bergantung pada waktu operasi perniagaan.
- iv. Seramai 10 orang anggota JPSPPA yang diketuai oleh seorang penolong pegawai kesihatan persekitaran ditugaskan untuk mengurus kutipan sisa makanan dan merekodkan maklumat berkaitan.
- v. Terdapat 60 buah tong sisa makan bersaiz 30 kg akan ditempatkan di 60 unit kedai makan dengan jangkaan perbelanjaan sebanyak RM 6,000.00.
- vi. Pihak jabatan menasarkan 300 kg/hari (109.5 tan/tahun) dengan hasil kutipan setiap tong purata adalah 5 kg/hari untuk 60 buah premis. Perkara ini dilihat lebih tinggi berbanding sasaran perunding iaitu 30 kg/hari (10.12 tan/tahun) iaitu lebihan sebanyak 99.38 tan.

***Tindakan: Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam, MPKj***

### **PROGRAM KITAR SEMULA MINYAK TERPAKAI**

- 2.6 Wakil JPSPPA mencadangkan Pelaksanaan Program Kitar Semula Minyak Masak Terpakai dengan inisiatif yang akan dijalankan adalah seperti berikut:

- i. JPSPPA akan mengumpulkan minyak masak terpakai dari kedai-kedai makan yang telah dikenalpasti dalam kawasan yang terlibat sahaja untuk diproses di UNITEN, Bangi.
- ii. Tong-tong minyak masak akan diagihkan ke kedai-kedai makanan dan penerangan akan dibuat berkaitan pelaksanaan serta kaedah kutipan minyak masak kepada pemilik kedai.

- iii. Kutipan minyak masak akan dibuat seminggu sekali pada hari selasa serta merekodkan hasil sebelum menghantar ke pusat pemprosesan.
- iv. Terdapat 99 buah tong sisa makan saiz 60 kg akan ditempatkan di 99 unit kedai makan dengan jangkaan perbelanjaan sebanyak RM 9,900.00.
- v. JPSPPA menyasarkan 247.5 liter/hari (90.3375 tan /tahun) dengan hasil kutipan setiap tong adalah purata 2.5 liter/hari untuk 99 buah premis. Perkara ini dilihat lebih rendah berbanding sasaran perunding iaitu 3 liter/hari atau 100 liter/bulan (127.56 tan /tahun) iaitu kekurangan sebanyak 37.22 tan.

***Tindakan: Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam, MPKj***

#### **PROGRAM PENGASINGAN SAMPAH**

2.7 Wakil JPSPPA membentangkan tindakan-tindakan yang akan diambil bagi Program Pengasingan Sampah seperti berikut:

- i. JPSPPA dan Perniagaan Logam KSS Sdn Bhd akan mengutip sisa kitar semula dari premis-premis yang dikenalpasti melalui sistem kutipan secara berpusat.
- ii. Terdapat dua kaedah kutipan yang akan dilaksanakan iaitu :
  - a) Melalui "door to door collection" kutipan dari pintu ke pintu (pemberian plastik).
  - b) Kutipan Berpusat melalui 5 lokasi dan 5 set tong MGB 660 liter akan ditempatkan di setiap lokasi tersebut yang menelan kos sebanyak RM 22,500.00)
- iii. Kutipan sisa kitar semula tersebut akan dijalankan 2 kali seminggu atau 1 kali seminggu bergantung kepada sambutan yang bakal diterima daripada peniaga-peniaga berkenaan.
- iv. Kakitangan MPKj dan Perniagaan Logam KSS Sdn Bhd akan merekod semua hasil kutipan sisa kitar semula dalam kawasan kajian dan menghantar rekod berkenaan kepada penolong pegawai kesihatan.
- v. Pihak jabatan menyasarkan 335.4 kg/hari (122.421 tan/tahun) dengan hasil kutipan setiap tong adalah purata 0.3 kg/hari untuk 1118 buah premis. Perkara ini dilihat lebih rendah berbanding sasaran perunding iaitu 0.5 kg/hari (204.3 tan /tahun) iaitu kekurangan sebanyak 81.609 tan.

***Tindakan: Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam, MPKj***

#### **PROGRAM PENANAMAN POKOK**

2.8 Wakil Jabatan Landskap dan Rekreasi membentangkan Program Penanaman Pokok dengan inisiatif yang akan diambil ialah:

- i. Pihak perunding UPSI telah mencadangkan sebanyak 290 batang pokok ditanam di kawasan kajian berdasarkan 9 jenis pokok yang dikenalpasti untuk penyerapan karbon lebih tinggi.
- ii. Wakil jabatan mencadangkan 7 spesies pokok jenis yang sesuai untuk ditanam kerana fungsi penyerapan karbon adalah lebih tinggi dan kos penyediaan adalah lebih ideal.
- iii. Terdapat enam (6) lokasi penanaman pokok yang dicadangkan iaitu di bahu Jalan Pusat Bandar 1 (2 lokasi), bahu Jalan Persiaran Bangi (2 lokasi) dan di Taman Tasik Cempaka (2 lokasi).
- iv. Cadangan kos perbelanjaan bagi keseluruhan program tersebut adalah sebanyak RM 278,300.00.

***Tindakan: Jabatan Lanskap dan Rekreasi, MPKj***

- 2.9 Mesyuarat bersetuju ke atas program pengurusan sisa pepejal yang dicadangkan oleh JPSPPA dan menetapkan tempoh sesi percubaan (test run) 3 bulan bermula pada 15hb. Mac 2018 dengan sasaran kutipan 80.59 tan sisa/bulan. Jabatan Perlesenan dan Penjaja, MPKj diminta mengeluarkan surat makluman kepada peniaga-perniaga berkaitan untuk melibatkan dalam program pengurusan sisa pepejal yang bakal dijalankan.

***Tindakan: Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam, MPKj dan Jabatan Perlesenan dan Penjaja, MPKj***

- 2.10 Program penanaman pokok yang dicadangkan oleh Jabatan Lanskap dan Rekreasi, MPKj akan dikemukakan kepada pengurusan Majlis bagi mengkaji mekanisma pelaksanaan yang lebih sesuai kerana ini melibatkan kos perbelanjaan yang sangat tinggi daripada unjuran asal oleh Perunding UPSI.

***Tindakan: Jabatan Perancangan Pembangunan, MPKj***

- 2.11 Mesyuarat susulan akan diadakan pada minggu pertama bulan Mei tahun 2018 bagi memantau dan pembentangan hasil pelaksanaan program-program berkenaan.

***Tindakan: Jabatan Perancangan Pembangunan, MPKj***

- 2.12 Jabatan Korporat dan Pembangunan Masyarakat, MPKj mengambil tindakan untuk mengadakan satu program pelancaran di kawasan Pusat Bandar, Bandar Baru Bangi bagi meningkatkan kesedaran dan publisiti kepada peniaga-peniaga berhubung program pengurusan sisa pepejal yang dilaksanakan oleh pihak Majlis.

***Tindakan: Jabatan Korporat dan Pembangunan Masyarakat, MPKj***

### **3.0 HAL-HAL LAIN**

- 3.1 Pengurus meminta maklumat Pelan Tindakan Perbandaran Rendah Karbon Bandar Baru Bangi dan program-program berkaitan pelaksanaan LCCF dapat dimasukkan dalam laman sesawang MPKj secara 'hyperlink' sebagai publisiti dan mudah diakses oleh orang awam.

*Tindakan: Jabatan Perancangan Pembangunan, MPKj dan Bahagian Teknologi Maklumat, MPKj*


- 3.2 Surat perlantikan 'Liason Officer' LCCF atau Duta Hijau dikeluarkan kepada pegawai-pegawai yang telah dicalonkan oleh jabatan masing-masing bagi menyokong usaha Majlis kearah mencapai Bandar Rendah Karbon.

*Tindakan: Jabatan Perancangan Pembangunan, MPKj*

### **4.0 PENUTUP**

- 4.1 Seterusnya Pengurus mengucapkan terima kasih kepada semua yang hadir dan mesyuarat ditangguhkan pada jam 10.50 pagi.

Disediakan oleh:

  
**(UMI NOOR-AQILA BINTI ZAKARIA)**  
Pen. Pegawai Perancangan Bandar dan Desa,  
Jabatan Perancangan Pembangunan,  
Majlis Perbandaran Kajang  
Tarikh: 9 hb Mac 2018

Disemak oleh:

  
**(EN. LOW KAR YONG)**  
Pegawai Perancangan Bandar dan Desa Kanan,  
Jabatan Perancangan Pembangunan,  
Majlis Perbandaran Kajang.  
Tarikh: 9 hb Mac 2018

Disahkan oleh:

  
**(HAJI NAJMUDDIN BIN JEMAIN)**  
Timbalan Yang Dipertua,  
Majlis Perbandaran Kajang  
Tarikh: 12hb Mac 2018